



**TEKS UCAPAN  
MAJLIS PERASMIAN KONVENSYEN KEBANGSAAN  
KUMPULAN PENGGUNA AIR (KPA) TAHUN 2022**

**YB DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAMZAH  
TIMBALAN MENTERI I  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**

**28 SEPTEMBER 2022 (RABU) 10.00 PAGI**

**BAYOU CONVENTION CENTRE  
BAYOU LAGOO PARK RESORT, BUKIT KATIL, MELAKA**

---

**[SALUTASI]**

**Terima kasih kepada Tuan Pengacara Majlis**

**Yang Berhormat Datuk Seri Haji Ahmad Bin Hamzah**

Timbalan Menteri I

Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan

**YBhg. Dato' Haslina Binti Abdul Hamid**

Ketua Setiausaha

Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan

**YBhg. Datuk Badrul Hisham Bin Mohd**

Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan)

Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan

**Yang Berusaha**

**En. Mohamad Radzi Bin Abdul Talib**

Pengarah Bahagian Pengairan Dan Saliran Pertanian

Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan

**Setiausaha-Setiausaha Bahagian, Pengarah-Pengarah Bahagian dan Negeri, Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian, Jabatan Dan Agensi, Tuan-Tuan, Puan-Puan, Rakan-Rakan Media Serta Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian**

## **Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia**

1. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan kerana dapat hadir di **Majlis Perasmian Konvensyen Kebangsaan Kumpulan Pengguna Air (KPA) Tahun 2022**.
2. Terima kasih kepada pihak penganjur di atas kesudian menjemput saya untuk bersama-sama meraikan dan menyempurnakan majlis pada pagi ini.
3. Tahniah dan syabas juga diucapkan kepada semua yang telah terlibat di atas penganjuran majlis ini, meskipun berhadapan dengan pelbagai cabaran terutama dalam mengoptimumkan perbelanjaan Kerajaan bagi meransang semula pertumbuhan ekonomi negara. Namun demikian, ianya tidak membataskan kita untuk tidak mengambil bahagian dalam sebarang program yang sangat bermanfaat ini.

## **Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

4. Bersempena dengan Majlis Perasmian Konvensyen Kebangsaan Kumpulan Pengguna Air (KPA) Tahun 2022, yang bertemakan **"Petani Hero Makanan Negara"**, ianya adalah merupakan titik tolak permulaan kepada petani-petani daripada seluruh semenanjung Malaysia, termasuk Sabah dan Sarawak dalam usaha meningkatkan produktiviti pengeluaran selaras dengan amalan pengurusan terbaik serta kemudahan sistem pengairan di skim-skim yang terlibat.
5. Kita sedia maklum bahawa penganjuran konvensyen pada kali ini adalah pembuka tirai baru selepas pandemik Covid-19 yang melanda negara. Negara juga sedang beransur pulih dengan pembukaan semula kegiatan ekonomi dan sosial secara lebih meluas.
6. Walau bagaimanapun, kita tidak boleh berasa selesa dengan keadaan semasa kerana risiko dan cabaran di peringkat global dan domestik berubah-ubah dari masa ke semasa.
7. Dalam konteks ini, Kerajaan amat komited dalam memperkukuhkan sektor agromakanan negara dengan menambah lagi usaha-usaha untuk meningkatkan pengeluaran domestik, perluasan adaptasi teknologi moden dan mengurangkan kebergantungan kepada keperluan import sekaligus untuk meningkatkan kualiti dan jaminan sekuriti makanan.

8. Memandangkan sumber dan kualiti air semakin berkurangan menyebabkan perlunya tata urus sendiri bagi sistem pengairan di mana jumlah penduduk yang semakin meningkat serta bilangan industri yang semakin bertambah menyebabkan persaingan untuk sumber air semakin sengit. Ini ditambah pula oleh akibat perubahan iklim yang menyebabkan cuaca serta jumlah hujan yang tidak menentu.
9. Justeru itu, untuk menangani masalah-masalah ini, sektor pengairan perlu meningkatkan tahap kecekapan melalui penubuhan KPA yang akan memindahkan pengurusan pengairan tersier kepada para petani dan sekaligus dapat memberikan sistem pengairan yang lebih sistematik. Pada masa yang sama, ianya bertindak sebagai platform bagi menjana pendapatan tinggi dan meningkatkan peluang pekerjaan bernilai tinggi untuk keahlian, sejajar dengan keperluan Kerajaan.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

10. Di bawah kepimpinan YAB Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob, Perdana Menteri, Malaysia kini berada di landasan tepat ke arah pembinaan semula negara berikutan pengenalan dasar-dasar yang inklusif dan progresif. Ini dapat dilihat menerusi kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sektor agro makanan bagi suku ketiga tahun 2021 telah mencatat angka 5.0%, manakala sumbangan sektor agromakanan sehaja kepada KDNK negara pada tempoh yang sama adalah sebanyak 4.4%.
11. Ini ternyata bahawa Kerajaan sangat komited dalam memperkukuhkan sektor agromakanan negara dengan menambah lagi usaha-usaha untuk meningkatkan pengeluaran domestik dan mengurangkan kebergantungan kepada keperluan import.
12. Pada masa yang sama, Kementerian juga telah dan sedang melaksanakan beberapa program berkaita sawah berskala besar atau SBB di seluruh negara seperti Projek Pemacu Pertanian (PPP). Penanaman Padi Skala Besar (PPSB) adalah inisiatif Kerajaan untuk meningkatkan produktiviti tanaman padi melalui penyatuan pengurusan tanaman padi berskala besar. Pengurusan aktiviti tanaman padi dilaksanakan oleh Pertubuhan Peladang Kawasan (PP), usahawan padi dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

13. Selaras dengan ini, pihak swasta turut diberikan peluang memainkan peranan menerajui industri padi dan beras negara bagi menyuntik semangat baru kepada industri padi dan beras melalui pendekatan-pendekatan baru dengan memanfaatkan sumber modal pembiayaan swasta semaksimum mungkin. Selaras dengan itu, Kementerian sekali lagi sedang melaksanakan program Smart Sawah Besar atau SMART SBB.
14. Melalui Kajian Semula Sektor Agromakanan 2010 – 2020, jumlah tenaga sektor agromakanan yang menyumbang sebanyak 3.21% kepada jumlah guna tenaga di Malaysia dan 29.5% kepada jumlah guna tenaga pertanian, telah menyusut pada kadar purata 1.0% setahun (Jadual2-3). Penyusutan ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh penyertaan yang telah berkurang dalam kalangan pesawah padi, penternak akuakultur dan nelayan, kecuali sub sektor ternakan yang mencatat pertumbuhan positif.
15. Walaupun berlaku penyusutan pada jumlah guna tenaga sektor agromakanan, produktiviti setiap pekerja dalam industri ini telah mencatat arah aliran meningkat pada kadar pertumbuhan purata 5.0% setahun. Pertumbuhan ini mengatasi kadar purata yang dicatatkan dalam produktiviti setiap pekerja sektor pertanian dan purata nasional. Peningkatan produktiviti ini adalah hasil daripada penggunaan teknologi moden termasuk mekanisasi dan automasi serta teknik perladangan yang lebih baik
16. Cabaran yang dihadapi oleh sektor pertanian global turut menjadi perhatian sektor agromakanan Malaysia. Isu dan cabaran yang dikenal pasti adalah seperti kekurangan sumber asli, produktiviti dan inovasi pertanian, perubahan demogradi dan peralihan trend pemakanan, kelihangan dan pembaziran makanan serta perubahan iklim.
17. Walau bagaimanapun, dengan kewujudan Kumpulan Pengguna Air ini sedikit sebanyak dapat meningkatkan halatuju pembangunan selari dengan evolusi Dasar Agromakanan Negara serta hubungannya dengan Dasar Nasional di mana telah digariskan sebagai keutamaan negara dalam RMKe-12 untuk menjadi pemacu dan sumber pertumbuhan baharu bagi negara termasuk Pertanian Pintar.

## **Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

18. Kewujudan KPA sebenarnya adalah salah satu ciri negara maju. Berperanan penting untuk memastikan pengurusan air dari segi jumlah dan mutu dilaksanakan secara adil dan mampan. KPA juga merupakan komponen rangkaian pihak berkepentingan ('stakeholders') dalam perancangan dan pengurusan air negara secara telus dan berintegriti.
19. Sebagai proses pelaksanaan program KPA, seharusnya berkembang dari masa ke semasa sehingga peringkat antarabangsa. Ini akan menjadi contoh dan amalan terbaik sebagai petani moden dan berjaya seiring dengan negara luar.
20. Mengakhiri ucapan ini, adalah menjadi harapan saya agar konvensyen ini dapat mencapai hala tuju dan perkongsian idea daripada pembentang-pembentang yang hebat. Saya menyeru supaya perkongsian idea ini perlu melibatkan bukan sahaja oleh kerajaan, tetapi juga pihak swasta, NGO dan pihak akademik untuk sama-sama mengembeling usaha mereka ke arah pembangunan mampan dalam urusan harian mereka.
21. Dikesempatan ini, saya sekali lagi merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pembentang kertas kerja, peserta-peserta konvensyen dan pihak urusetia pada tahun ini kerana telah begitu gigih dalam menjayakan Konvensyen Kumpulan Pengguna Air Bagi Tahun 2022. Saya turut mendoakan agar ianya berjalan lancar dan berjaya menghasilkan satu rumusan yang berfaedah demi masa depan negara kita.
22. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Konvensyen Kumpulan Pengguna Air (KPA) Tahun 2022.

Sekian, terima kasih.